

Qalam

Bilangan 117 Syawal 1379 April, 1960 60 Sen

Marilah Berhari Raya

Allāhu Akbar! Allāhu Akbar! Allāhu Akbar! Wa lillāhi al-ḥamd!

Al-ḥamdu lillāh, bagi kali yang kesepuluhnya Qalam dan ahli-ahlinya

serta kakitangannya mengucapkan *min al-‘ā’ dīn al-fā’izīn* kepada sekalian saudara-saudara umat Muslimin yang berhari raya hari ini. Marilah kira rayakan hari raya yang berbahagia ini di dalam suatu suasana kesedaran dan keinsafan bahawa kita telah merasa apa ertinya berlapar dan bagaimana penderitaan berlapar dalam masa sebulan sambil menahan hawa nafsu kita kepada sesuatu yang kita ingini. Dengan kesedaran yang ada itu dapatlah hendaknya kita menyedari bahawa di dalam masyarakat kita sekarang banyak saudara-saudara kita yang tidak bekerja dan berpekerjaan yang berharap kepada kesedaran kita untuk mencari jalan meringankan tanggungan dan bebanan mereka.

Allāhu Akbar! Saudara-saudara, di dalam kepapaan hidup seseorang itu kerap kali membawa kepada kesyirikan. Kerana lapar perkara yang bakal dilakukan mereka. Kerana itu mustahak sungguh, jika kita mengingat dan menyedarkan mereka supaya dalam masa-masa yang sangat rumit itu berserah kepada kekuasaan Tuhan. Pandanglah segala sesuatu penderitaan itu sebagai percubaan hidup dan kita janganlah berputus asa daripada berharap kepada pertolongan Tuhan melepaskan percubaan hidup yang didatangkan oleh-Nya, dan jangan sekali-kali mereka terbiar dan berputus harap daripada pertolongan Tuhan-Nya.

Allāhu Akbar! Kita menyedari sekarang bahawa di dalam angkatan-angkatan baharu sangat sedikit orang-orang kita yang akan kemuka menggantikan usaha-usaha orang-orang yang terdahulu untuk menyeru manusia kepada jalan jalan Tuhannya. Kita menyedari sekarang bahawa pemuda-pemuda kita telah banyak kecenderungannya jauh daripada agamanya bahkan banyak di antara mereka memandang bahawa agama itu penghalang bagi kemajuan hidupnya. Kejadian ini mustahak kita pelajari bersama kerana perkembangan ini ertinya akan merosakkan Islam dari dalam – daripada masyarakat kita sendiri.

Allāhu Akbar! Apakah sebabnya maka sedemikian itu keadaannya? Pertanyaan inilah yang patut dipelajari, terutamanya oleh alim ulamanya. Kerana jika tidak ada tenaga bersama untuk mempelajari sebab-sebabnya dan berusaha memberikan apa yang dihajati oleh mereka – iaitu memberikan cara berfikir di dalam beragama dengan luas, maka percayalah pandangan terhadap kepada agama sebagai penghalang hidup itu akan bertambah merebak dan akhirnya menjadi suatu bahaya yang sangat besar kepada Islam seluruhnya di tanah air kita, terutamanya kalau pandangan kita hanya diberi kepada kulit agama, tidak kepada isinya.

Allāhu Akbar! Wahai umat Islam, insafilah bahawa tiap-tiap kita akan disoal kemudian nanti terhadap apakah yang telah kita usahakan untuk agama kita. Kerana itu dalam masa kita berhari raya, marilah kita berfikir atau bermenung sejenak untuk memikirkan apakah yang telah kita, apakah yang patut kita dan apakah persiapan-persiapan yang telah kita buat untuk menjawab soal-soal yang akan didatangkan kepada kita di hari pembalasan nanti. Hubaya-hubaya bersiaplah –

Allāhu Akbar! Allāhu Akbar! Allāhu Akbar; wa lillāhi al-ḥamd.

Qalam Sepuluh Tahun

Al-ḥamdu lillāh, dengan hari raya ini, genaplah pada tahunnya yang kesepuluh dan memasuki tahunnya yang kesebelas.

Sambungannya pada muka 4

Dari Sebulan ke Sebulan

Peraduan membaca *Qur'ān* peringkat kebangsaan bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu telah diadakan dengan jayanya di Stadium Merdeka Kuala Lumpur pada bulan Ramadan *al-Mubārak* yang baharu lalu. Anjuran Kerajaan Persekutuan itu sangat-sangat membanggakan dan bolehlah dipuji, lebih-lebih lagi kalau dapat digalakkan rakyat Islam dan juga pemerintah, kepada mempelajari kandungan kitab Allah itu dan mengamalkan ajarannya.

* * *

Kerajaan Persekutuan, dengan mengadakan peraduan *Qur'ān* seluruh Malaya menyebut ini adalah suatu jalan menuju kepada syiar Islam bersesuaian dengan dasar agama Islam

Rencana Pengarang

Sambungan dari muka 3

ertinya Qalam telah mengunjungi pembaca-pembaca selama sepuluh tahun lamanya.

Kemajuan dan kejayaanya hingga berusia sepuluh tahun ini adalah dengan bantuan pembaca-pembacanya yang sentiasa memberi sokongan dan memandang bahawa Qalam ialah sebuah majalah agama dan majalah pengetahuan yang berguna kepada penggemar-penggemarnya.

Dalam masa sepuluh tahun itu, banyak perkara yang telah diderita oleh Qalam kerana ketulusannya memberi pendapat, pendapat mana pada mulanya selalu pahit dan tidak mahu diterima oleh masyarakat, tetapi kemudiannya apa yang kerap kali disebut dan ditegurinya maka hampir-hampir semuanya berlaku, terutamanya dalam perkara pergolakan politik di tanah air dan di luar negeri.

Mudah-mudahan dengan usianya ini, Qalam akan terus menjalankan khidmat-khidmatnya dan mendapat sokongan daripada pembaca-pembaca dan penggemar-penggemarnya.

sebagai dasar agama rasmi di Persekutuan. Syukur! Tetapi orang ramai masih hairan mengapa bacaan dan lagunya sahaja digalakkan sedang makna dan isinya tidak diajarkan di seluruh sekolah-sekolah sampai menyampaikan kepada dasar tersebut. Bahkan ada pula orang yang hairan mengapa pula nanti Masjid Negara yang jadi syiar agama di Persekutuan dibina dari wang loteri yang tetap haramnya mengikut *al-Qur'ān*? Orang hanya bertanya dan mengerti sembahyang di dalam masjid yang bercampur di dalamnya wang maksiat itu sah tetapi bangunan masjid itu haram! Bagaimana pendapat H abib Albar?

* * *

Dengan cita-cita hendak memperjuangkan kedaulatan agama Islam dan mengembangkan ajarannya, Kesatuan Penuntut-Penuntut Agama (Islam) Se-Malaya telah mengemukakan memorandum kepada Jawatankuasa Pengkaji Semula Dasar Pelajaran, yang diketuai oleh Menteri Pelajaran En. Abdul Rahman Talib.

Kesatuan itu menuntut Kerajaan Persekutuan supaya bersegera mengiktiraf akan sijil Kolej Islam dan juga mengesyorkan supaya kerajaan menganjurkan Peperiksaan Sijil Menengah Agama Islam yang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantarnya.

* * *

Menurut Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar, Tuan Haji Khalid bin Awang Osman, bahawa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengisytiharkan perang ke atas penyakit buta huruf.

Kerajaan telah mengumumkan lantikan sebuah jawatankuasa “untuk membuat garisan-garisan bagaimana pelajaran dewasa dapat dilancarkan dengan lebih kemas, lebih rapi dan

teratur, sehingga dapatlah dibasmikan buta huruf dalam masa yang sesingkat-singkatnya.”

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh beliau sendiri.

Sebenarnya penyakit buta huruf dalam kalangan rakyat Melayu hanya dapat dihapuskan dengan huruf Melayu lebih dahulu, kemudian baharu dengan huruf Rumi.

* * *

Gabungan Wanita Islam Singapura, termasuk di dalamnya kaum ibu Jam'iyah (Persekutuan Seruan Islam Se-Malaya) Singapura telah mengemukakan syor kepada Jawatankuasa Pilihan Dewan Perhimpunan Undangan mengenai rang undang-undang Islam pindaan. Syor yang dikemukakan mereka menghendaki supaya (1) Kadi Besar sebelum mengkahwinkan¹ seseorang suami yang ada isterinya menyiasat tentang kemampuannya dari kewangan, moral ataupun tidak mempunyai **cukup kebolehan melayan isterinya** yang pertama dan kedua dengan adil. Dan menghendaki supaya penyiasatan yang dijalankan oleh Kadi Besar hendaklah ada anggotanya daripada kaum wanita. (2) Seseorang suami yang menceraikan isterinya dengan tidak mempunyai sebab yang munasabah, hendaklah suami itu menanggung nafkah isterinya sehingga ia kahwin lagi ataupun sehingga ia meninggal dunia. (3) Mengenai mas kahwin mereka mengesyorkan supaya mas kahwin itu ditinggikan supaya dengan keberatan hutang mas kahwin, ada kemungkinan² perceraian dapat dikurangkan. Kata mereka syor-syor mereka itu tidak bertentangan dengan syarak.

* * *

(1) Orang-orang yang membaca ini, terutamanya anggota Jam'iyah banyak bersungut mengapa kaum ibu Jam'iyah menyertai sesuatu keputusan yang bertentangan dengan ajaran Islam padahal Jam'iyah sendiri menolak perkara itu dengan terangnya. Agama Islam tidak sekali-kali mengaitkan perkahwinan satu atau lebih daripada satu kerana *māliyah* tetapi agama Islam menganjurkan perkahwinan supaya menjauhkan daripada



Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio, Tuan Syed Jaafar bin Hassan Albar, yang juga menjadi Ketua Jawatankuasa Pusat Peraduan Pembacaan Qur'ān Peringkat Kebangsaan bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu, yang berlangsung baharu-baharu ini.

zina dan jika ditakuti papa maka Tuhan akan memberi kelimpahan kepadanya. Dengan ini terang bahawa sesuatu perkahwinan tidak digantungkan kepada kebendaan tetapi hanya kepada keredaan. Kesempurnaan keredaan itu adalah bergantung kepada susunan masyarakat. Selalunya disalahkan kecuaiannya suami tetapi di pihak isteri sendiri tidak dikaji tentang mengapa selalu terbit sesuatu perceraian. Berlaku adil lah wahai wanita – jangan memberatkan sebelah tetapi kajilah masyarakat kamu sekarang terhadap suami-suaminya.

¹ mengahwinkan

² kemungkinan



*Tuan Haji Khalid bin Awang Osman, Menteri
Muda Pembangunan Luar Bandar, Persekutuan Tanah Melayu,
sedang bersiap hendak melancarkan perang terhadap
penyakit buta huruf di kampung-kampung.*

(2) Hak cerai adalah terletak di tangan suami.

Suami, kalau tidak reda adalah dibenarkan menceraikan isterinya dengan tidak perlu memberi sebab kerana terkadang-kadang kalau diberi sebab menimbulkan aib, terutamanya kalau perkara itu dibawa ke mahkamah seperti yang ada sekarang dan disiarkan dengan sepenuhnya sehingga perihal dalam kelambu pun disebut. Islam menentukan bahawa nafkah idah hanya, sekali lagi hanya, tiga bulan bagi isteri yang diceraikan – tidak untuk seumur hidupnya. Kalau sesuatu perceraian diwajibkan nafkah bagi seumur hidupnya maka

ini tidak akan membawa kurangnya perceraian tetapi akan membawa kepada banyaknya orang yang tidak mahu kahwin – akhirnya kerana tidak kuat menahan jiwa akan menghidupkan banyaknya perzinaan. Ini ialah selain daripada perkara-perkara yang bertentangan dengan ketentuan syarak.

* * *

Ibu-ibu yang bersidang itu jangan main kata dibolehkan oleh syarak padahal apa yang dia syarak, apa dia hukum, dan apa dia yang patut dibuat menurut syarak mereka tidak tahu! Jangan main-main dalam hukum bu! Hukum Islam bukan dari otak tetapi hukum Islam adalah dari Tuhan yang disampaikan oleh Junjungan kita dengan *al-Qur'ān* dan dengan sabda-sabdanya. Bersatu mempelajari cara mengendalikan rumah tangga itu aman kan lebih baik daripada hendak berkata mengenai hukum syarak padahal di dalamnya, yang kita tahu, orang yang bijak berkata-kata di situ tidak tahukan hukum syarak. Jangan laut hendak diduga dengan kail panjang sejengkal.

* * *

Perkara pindaan undang-undang Islam yang dikemukakan kepada kerajaan di Dewan Undangan dan diserahkan kepada *Silic Committee* untuk mengkajinya, dan *Silic Committee* meminta pula pendapat orang ramai dalam perkara yang mengenai hukum agama Islam itu. Hukum agama adalah hukum yang telah tertentu kedudukannya maka fikiran atau pendapat di dalam perkara yang akan diperundang-undangkan yang mengenai hukum syarak hendaklah dibawa kepada ulama-ulama dan meminta mereka memahasnya dengan masak kerana mereka adalah dipandang “ahlinya”. Kalau pendapat orang ramai yang main-main dengar dan sangka-sangka sahaja atau daripada pendapat beberapa orang yang mengkajinya daripada kitab berbahasa Inggeris sahaja maka tatkala akan memperundang-undangkannya tentulah nanti akan mendapat tentangan-tentangan yang hebat. Sebab itu mustahak *Silic Committee* menganjurkan perjumpaan ulama-ulama dari segala golongan membahas perkara ini – bukan dari pertubuhan-pertubuhan atau orang perseorangan yang bukan ahlinya.